



Garis panduan pengurusan organisma hidup yang dirampas

Neil Maddison, penyunting



Perihal IUCN

International Union for Conservation of Nature (IUCN) merupakan Kesatuan yang unik di mana ahli-ahli kesatuan ini terdiri daripada kedua-dua badan kerajaan dan organisasi masyarakat sivil. Kesatuan ini membekalkan pengetahuan dan alatan kepada organisasi awam, swasta dan bukan kerajaan yang membolehkan perkembangan manusia, kemajuan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar berlaku bersama-sama.

Dibangunkan pada 1948, IUCN merupakan rangkaian alam sekitar yang terbesar di dunia yang , memanfaatkan pengetahuan, sumber dan mencapai lebih daripada 1,400 ahli organisasi dan sebanyak 15,000 pakar. Kesatuan ini merupakan pembekal peneraju data, penilaian dan analisis pemuliharaan. Keahliannya yang luas membolehkan IUCN memenuhi peranan sebagai inkubator serta repositori amalan terbaik, alatan dan piawaian antarabangsa yang boleh dipercayai.

IUCN menyediakan ruang yang neutral di mana pelbagai pihak berkepentingan termasuk kerajaan NGO, saintis, perniagaan, komuniti tempatan, organisasi orang asli dan yang lain-lain boleh bekerjasama untuk menjalin dan melaksanakan penyelesaian kepada cabaran alam sekitar dan mencapai pembangunan yang mampan.

Bekerjasama dengan pelbagai rakan kongsi dan penyokong, IUCN melaksanakan portfolio projek pemuliharaan yang luas dan pelbagai di seluruh dunia. Menggabungkan sains terkini dengan pengetahuan tradisional masyarakat tempatan, projek ini berfungsi untuk mengembalikan habitat yang hilang, memulihkan ekosistem dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

<https://www.iucn.org>

<https://twitter.com/IUCN/>

Species Survival Commission (SSC) IUCN

Dengan lebih daripada 10,500 ahli, Species Survival Commission (SSC) merupakan suruhanjaya yang terbesar daripada enam suruhanjaya pakar IUCN dan mempengaruhi, menggalakkan dan membantu masyarakat untuk memulihara biodiversiti dengan membina pengetahuan tentang status dan ancaman kepada spesis, memberi nasihat, membangunkan dasar dan garis panduan, memudahkan perancangan pemuliharaan dan memangkinkan tindakan pemuliharaan.

Ahli SSC tergolong dalam satu atau lebih daripada 160+ Kumpulan Pakar, Pihak Berkuasa Senarai Merah dan Pasukan Bertugas, setiap ahli memberi tumpuan kepada satu kumpulan taksonomi (tumbuhan, kulat, mamalia, burung, reptilia, amfibia, ikan dan invertebrat), atau isu disiplin, seperti penggunaan dan punca pendapatan mampan, pengenalan semula spesies, kesihatan hidupan liar, perubahan iklim dan perancangan pemuliharaan.

<https://www.iucn.org/our-union/commissions/species-survival-commission>

Garis panduan pengurusan organisma hidup yang dirampas

Neil Maddison, penyunting

Penentuan entiti geografi dalam buku ini dan pembentangan bahan langsung tidak menandakan pernyataan apa-apa pendapat daripada pihak IUCN berkenaan dengan status undang-undang mana-mana negara, wilayah atau kawasan, atau status undang-undang pihak berkuasa tempat tersebut, atau berkenaan dengan pembatasan sempadan tempat tersebut.

Pandangan yang dinyatakan dalam terbitan ini tidak semestinya membayangkan pandangan IUCN.

IUCN dan organisasi lain yang mengambil bahagian tidak bertanggungjawab atas kesilapan atau ketinggalan yang mungkin berlaku dalam terjemahan ke dalam bahasa Melayu dokumen ini yang versi asalnya ialah bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan, sila rujuk edisi asal. Tajuk edisi asal: *Guidelines for the management of confiscated, live organisms* (2019). Diterbitkan oleh: IUCN, Gland, Switzerland. <https://doi.org/10.2305/IUCN.CH.2019.03.en>.

Terbitan asal telah dijayakan sebahagiannya dengan pembiayaan daripada Agensi Alam Sekitar Abu Dhabi.

Terjemahan ke dalam bahasa Melayu dokumen ini telah dijayakan oleh International Fund for Animal Welfare. Pencetakan terbitan ini dibiayai oleh geran daripada pihak United States Department of State.

Diterbitkan oleh

IUCN, Gland, Switzerland

Hak cipta

© 2019 IUCN, International Union for Conservation of Nature and Natural Resources

© 2022 IUCN, International Union for Conservation of Nature and Natural Resources, untuk terjemahan bahasa Melayu

Penghasilan semula terbitan ini untuk tujuan pendidikan atau tujuan bukan komersial lain dibenarkan tanpa kebenaran bertulis terdahulu daripada pemegang hak cipta, dengan syarat sumber diiktiraf sepenuhnya.

Penghasilan semula terbitan ini untuk jualan semula atau tujuan komersial lain adalah dilarang tanpa kebenaran bertulis terdahulu daripada pemegang hak cipta.

Petikan

IUCN (2022). *Garis panduan pengurusan organisma hidup yang dirampas*. Gland, Switzerland: IUCN.

Penyunting

Neil Maddison

ISBN

978-2-8317-2208-5 (PDF)

978-2-8317-2209-2 (print)

DOI

<https://doi.org/10.2305/IUCN.CH.2019.03.ms>

Foto muka depan

Jhonathan Miranda

Diterjemah oleh:

International Fund for Animal Welfare (IFAW)

Dicetak oleh:

International Fund for Animal Welfare (IFAW)

Tersedia daripada

IUCN, International Union for Conservation of Nature
Rue Mauverney 28

1196 Gland

Switzerland

Tel +41 22 999 0000

Faks +41 22 999 0002

www.iucn.org/resources/publications

Teks dalam buku ini dicetak pada 100% bahan kitar semula yang Diperakui FSC, 128 gsm.

Isi kandungan

Penghargaan	iv
1 Konteks	1
1.1 Pernyataan keperluan	1
1.2 Tujuan Garis Panduan ini	1
1.3 Prinsip pencegahan	2
1.4 Mengambil pendekatan yang proaktif	3
1.5 Definisi	4
2 Kriteria untuk membuat keputusan	7
2.1 Skala individu	7
2.2 Sumber yang tersedia	8
2.3 Pertimbangan undang-undang dan persetujuan antarabangsa	9
3 Perancangan tindakan	10
3.1 Penjagaan jangka masa pendek segera	10
3.2 Pengumpulan maklumat dan proses penilaian awal	11
3.2.1. Pengenalpastian spesies	11
3.2.2. Status pemuliharaan dan keutamaan IUCN	12
3.2.3. Kesihatan	12
3.2.4. Keupayaan untuk hidup	13
3.2.5. Sebab perampasan	13
3.2.6. Negara asal dan ketibaan	14
3.2.7. Spesies invasif yang dikenal pasti	15
3.3 Penyimpanan sementara	15
3.4 Menggunakan Pokok Keputusan untuk pengurusan jangka lebih panjang	15
3.4.1. Hantar pulang	16
3.4.2. Translokasi (atau 'pengembalian individu yang dirampas ke alam liar')	16
3.4.3. Penjagaan haiwan kurungan jangka masa panjang	18
3.4.4. Pembunuhan / pemusnahan berperikemanusiaan	20
4 Kesimpulan	21
Lampiran 1: Rangkaian Penasihat Perampasan-Bidang tugas	23
Lampiran 2: Sumber maklumat berguna dengan pautan Internet	27
Lampiran 3: Pengumpulan maklumat dan penilaian awal	31
Lampiran 4: Pokok Keputusan-Spesies yang dirampas	35

Penghargaan

Kira Mileham banyak menyumbang kepada penyusunan dan penyepaduan input dan maklum balas. Mark Stanley Price (Universiti Oxford) dan Tomasina Oldfield (TRAFFIC) memberi sumbangan tidak ternilai kepada terbitan ini. Para hadirin Persidangan Rangkaian Menyelamat Haiwan Liar 2014 dan Kumpulan Pakar Perancangan Pemuliharaan IUCN 2014 (dahulunya Kumpulan Pakar Pembiakan Pemuliharaan) juga banyak menyumbang dan penyunting ingin mengucapkan terima kasih. Rachel Hogan (OBE) daripada Tindakan Beruk Afrika dan Valentina Rodrigues daripada Pasukan Polis Alam Sekitar Colombia juga memberikan maklum balas untuk membantu membentuk Garis Panduan. Penghargaan khas kepada mendiang Maria Boyd atas input beliau tentang pengurusan haiwan hidup yang dirampas di China.

1 Konteks

Perdagangan haram hidupan liar telah meningkat secara mendadak sejak satu dekad yang lalu. Walau bagaimanapun, usaha penguatkuasaan yang bertujuan untuk mengurangkan ancaman ini juga telah meningkat. Penguatkuasaan yang berjaya biasanya melibatkan penyitaan dan perampasan spesies liar daripada pelbagai taksa tumbuhan, haiwan dan kulat. Perampasan ini mungkin merupakan sebahagian daripada spesimen bukan hidup dalam bentuk artifak, makanan atau produk perubatan, tetapi dalam banyak kes, perampasan melibatkan individu hidup. Dengan perampasan yang semakin kerap dan selalunya melibatkan bilangan individu yang tinggi, ia adalah penting untuk mengikut pendekatan pengurusan amalan terbaik untuk memaksimumkan peranan pemuliharaan dan kebajikan individu tumbuhan dan haiwan ini. Dokumen ini bertujuan untuk menyediakan panduan tentang amalan terbaik ini.

1.1 Pernyataan keperluan

Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN) merupakan pihak berkuasa terpenting di dunia dalam pemuliharaan biodiversiti dan penggunaan lestari, penyelesaian berasaskan alam semula jadi dan tadbir urus alam sekitar yang berkaitan, serta membantu pihak berkuasa yang berkenaan mencari penyelesaian yang realistik dan praktikal untuk cabaran alam sekitar. IUCN menghasilkan satu siri 'Garis Panduan' yang direka untuk memberikan nasihat kepada pihak yang membuat keputusan yang berkaitan dengan pengurusan sumber asli. **Garis Panduan Penempatan Haiwan yang Dirampas IUCN** yang pertama digunakan pada bulan Februari 2000. Versi Garis Panduan yang dikemas kini ini mempertimbangkan situasi perdagangan hidupan liar yang berubah sejak dua dekad yang lalu. Pengemaskinian juga bertujuan untuk meningkatkan keselarasan dengan dasar dan undang-undang antarabangsa, serta untuk menyokong keperluan kerajaan negara untuk mengurus peningkatan bilangan haiwan dan tumbuhan liar hidup yang dirampas oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan memerlukan tindakan.

Terdapat banyak sebab peningkatan bilangan haiwan dan tumbuhan liar yang dirampas dan sebab tersebut mungkin rumit, tetapi secara umumnya, sebab tersebut berkaitan dengan peningkatan perdagangan haram haiwan dan tumbuhan hidup. Selain itu, perampasan spesimen hidup telah meningkat disebabkan oleh peningkatan pengetahuan dan pemahaman oleh pihak penguatkuasaan. Dalam sesetengah kes, lebih banyak sumber diperuntukkan kepada pihak berkuasa perampasan dan ejen pihak berkuasa tersebut. Terdapat juga perubahan dalam undang-undang negara dan dalam persetujuan antarabangsa seperti Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam (CITES). Keperluan undang-undang ini cenderung menjadi semakin terbatas dan kadang-kadang menyertakan syarat yang lebih menekankan keperluan untuk mengurus rampasan hidupan liar.

Dari sudut pandangan pemuliharaan biodiversiti global, dalam kebanyakan kes, keutamaan seharusnya diberikan kepada pengurusan setiap haiwan dan tumbuhan daripada spesies yang dikelaskan sebagai di bawah ancaman kepupusan dan kehilangan haiwan dan tumbuhan tersebut akan memberikan tekanan yang lebih besar pada spesies yang semakin berkurangan di alam liar. Dengan tekanan yang semakin meningkat ke atas hidupan liar di seluruh dunia, terdapat keperluan untuk proses membuattekanan yang semakin meningkat ke atas hidupan liar keputusan bagi pengurusan setiap haiwan dan tumbuhan hidup yang dirampas yang meletakkan **pencegahan kepupusan spesies dan pengkalan populasi liar dan biodiversiti yang sihat** di atas semua kriteria lain; yang termasuk menilai risiko terhadap spesies yang dirampas dan juga terhadap mana-mana spesies liar di dalam tapak pelepasan yang berpotensi. Garis Panduan IUCN berikut direka bentuk untuk membantu memenuhi keperluan itu. Spesies yang dianggap terancam dengan kepupusan di peringkat global yang disenaraikan dalam IUCN Red List of Threatened Species™ (Senarai Merah Spesies Terancam IUCN) sebagai Terjejas (VU), Terancam (EN) atau Terancam Secara Kritikal (CR) (<http://www.iucnredlist.org/>). Selain itu, untuk pengurusan individu spesies yang dirampas yang dikelaskan sebagai Pupus di Alam Liar (EW), Kekurangan Data (DD), Bakal Terancam (NT), Tidak Dinilai (NE) atau populasi terancam spesies Paling Kurang Membimbangkan (LC) juga perlu diutamakan (senarai merah negara berguna dalam mengenal pasti populasi terancam spesies LC).

Garis Panduan yang ditetapkan berikut bertujuan untuk membantu pihak berkuasa kerajaan membuat keputusan tentang cara mengurus haiwan, tumbuhan dan kulat hidup yang dirampas di bawah undang-undang hidupan liar, tanpa mengambil kira nilai pemuliharaan hidupan tersebut. Garis Panduan ini juga akan mempunyai merit dalam membantu pihak berkuasa mengurus haiwan dan tumbuhan spesies tidak terancam yang dirampas, tetapi ia perlu ditekankan bahawa Garis Panduan ini akan membantu mengekalkan populasi spesies liar yang sihat dan keputusan yang dibuat berdasarkan pengurusan haiwan individu dari sudut pandangan kebajikan semata-mata mungkin memerlukan tindakan yang lain.

1.2 Tujuan Garis Panduan ini

Garis Panduan ini adalah untuk badan kerajaan dan/atau ejen sah kerajaan yang mempunyai tanggungjawab undang-undang untuk menentukan cara organisma hidup yang *dirampas* diurus dalam jangka masa terdekat (tempoh awal yang mungkin berlangsung antara beberapa jam sehingga beberapa minggu) dan jangka masa lebih panjang (yang mungkin menjadi keadaan 'kekal').

Spesimen yang dirampas ditakrifkan dalam dokumen ini sebagai organisma hidup pada masa organisma tersebut jatuh ke dalam tangan pihak berkuasa atau ejen yang bertanggungjawab menentukan organisma hidup

penempatan individu tersebut dalam jangka masa yang panjang; BUKAN di tempat perampasan di mana protokol pengurusan yang lain mungkin digunakan.

Nota Penting: Jika organisma hidup yang dirampas disenaraikan dalam lampiran CITES, dan negara perampasan merupakan penandatangan CITES, maka protokol CITES untuk mengurus spesimen ini mestilah diberi keutamaan melebihi Garis Panduan IUCN, sebagai contoh Persidangan Penyelesaian CITES 17.8 berkenaan Pelupusan spesimen spesies yang disenaraikan oleh CITES yang didagangkan secara haram dan dirampas.

1.3 Prinsip pencegahan

Prinsip menyeluruh Garis Panduan ini adalah **pengelakan kehilangan biodiversiti melalui pelepasan yang tidak sesuai atau tidak diurus dengan baik**. Risiko utama termasuklah penularan penyakit daripada haiwan atau tumbuhan yang dilepaskan, pengenalan haiwan atau tumbuhan ke kawasan bukan asal (merisikokan pengenalan spesies invasif asing atau gen introgresi melalui penghibridan, lalu menyebabkan kemungkinan kehilangan biodiversiti yang banyak) atau persaingan tidak semula jadi antara spesies yang menyebabkan spesies asal disingkirkan.

Untuk memastikan bahawa perkara ini dan risiko lain tidak menjadi kenyataan. Garis Panduan ini adalah berasaskan prinsip pencegahan dalam pengurusan. Secara khususnya, pihak berkuasa perampasan tidak patut melepaskan individu organisma hidup ke dalam alam liar melainkan pihak berkuasa dapat menunjukkan pelan tindakan yang meyakinkan untuk haiwan atau tumbuhan tersebut yang sama ada menyumbang kepada pemuliharaan spesies atau tidak menimbulkan risiko nyata terhadap pemuliharaan spesies tersebut atau terhadap pemuliharaan spesies lain dalam persekitaran pelepasan.

1.4 Mengambil pendekatan yang proaktif

Ia adalah sangat mencabar untuk membuat keputusan demi kepentingan pemuliharaan apabila berdepan dengan maklumat yang terhad, perbincangan yang bercanggah dan pertimbangan etika daripada sektor yang berbeza-beza. Banyak faktor perlu dipertimbangkan sebelum menentukan cara organisma hidup yang dirampas patut diurus. Oleh yang demikian, banyak bidang kepakaran yang berbeza mungkin diperlukan untuk memastikan terdapat maklumat yang mencukupi untuk membuat keputusan yang optimum. Pihak berkuasa perampasan dan ejen pihak berkuasa tersebut digalakkan membangunkan hubungan setempat, negara, wilayah dan antarabangsa, serta membentuk **Rangkaian Penasihat Perampasan** (lihat Lampiran 1) dengan pakar dalam bidang-bidang khusus ini:

- Kepakaran taksonomi untuk membolehkan pengenalanpastian yang cepat dan tepat pada tahap spesies/subspesies
- Kepakaran perubatan dan veterinar berkenaan kesihatan manusia dan haiwan, termasuk kuarantin
- Kepakaran penyelamatan, penternakan dan tingkah laku hidupan liar
- Kepakaran botani
- Kepakaran undang-undang yang sesuai
- Kepakaran logistik untuk memberikan nasihat tentang pemegangan dan pengangkutan

Untuk membolehkan perkara ini, pihak berkuasa perampasan digalakkan untuk mewujudkan hubungan secara proaktif dengan:

- Pusat penyelamatan/pemulihan hidupan liar setempat, wilayah dan antarabangsa, pihak berkuasa dan persatuan zoo, serta tempat perlindungan yang mungkin dapat memberikan nasihat pakar dan dalam sesetengah kes, pemegangan jangka masa pendek atau panjang
- Organisasi Dunia untuk Kesihatan Haiwan (OIE) dalam negara dan jabatan veterinar kerajaan/universiti yang mungkin dapat memberikan nasihat tentang isu kesihatan dan kebajikan haiwan
- Taman botani setempat, wilayah dan antarabangsa
- Pihak Berkuasa Pengurusan dan Saintifik CITES dalam negara, serta Sekretariat CITES
- Pihak berkuasa penguatkuasaan jenayah hidupan liar dan sempadan dalam negara
- Agensi dan badan penasihat kebajikan kesihatan haiwan dan tumbuhan liar dalam negara yang lain yang bersesuaian

Secara khususnya, perlu ada hubungan rapat antara keputusan yang dibuat oleh **pihak berkuasa perampasan** serta ejen pihak berkuasa tersebut dengan keputusan yang dibuat oleh **Pihak Berkuasa Pengurusan CITES**. Peluang untuk kerjasama antara dua badan (jika berasingan), jika ada, perlu digunakan.

1.5 Definisi

Definisi berikut digunakan untuk tujuan dokumen ini:

Haiwan:

semua bahagian hidup fauna yang dikenal pasti, termasuk telur.

Organisma Hidup yang Dirampas:

organisma hidup semasa organisma tersebut jatuh ke dalam kuasa badan atau ejen yang bertanggungjawab membuat keputusan dalam menentukan penempatan individu dalam jangka masa panjang.

Pengurungan / Ex situ:

keadaan di mana corak spatial semula jadi individu atau keturunannya dihadkan secara spatial, dialihkan daripada banyak proses ekologi semula jadi dan diuruskan pada tahap tertentu oleh manusia. Pada asasnya, individu dikekalkan dalam keadaan buatan di bawah tekanan pemilihan yang berbeza daripada dalam keadaan semula jadi di habitat semula jadi. (Garis Panduan IUCN berkenaan Penggunaan Pengurusan Ex situ untuk Pemuliharaan Spesies).

Tempat asal konsainan:

negara asal organisma diangkut sebelum dirampas.

Negara asal:

negara di mana spesimen/individu diambil dari alam liar, dibiakkan dalam kurungan atau dibiakkan secara tiruan (Glosari istilah CITES).

Eutanasia:

pengambilan nyawa haiwan hasil daripada keperluan untuk menamatkan kesengsaraan.

Pembunuhan berperikemanusiaan:

Pengambilan nyawa haiwan secara tidak menyakitkan untuk tujuan selain daripada menamatkan kesengsaraan yang disebabkan oleh keadaan sedia ada. [Nota: protokol penggunaan Eutanasia dan Pembunuhan Berperikemanusiaan – walaupun kedua-duanya berbeza dari segi rasional penggunaan – diberikan di bawah satu istilah 'eutanasia' dalam Garis Panduan AVMA berkenaan Eutanasia].

Kawasan asli:

taburan spesies yang diketahui atau tersimpul yang dihasilkan daripada rekod (bertulis atau secara lisan) sejarah atau bukti fizikal kewujudan spesies (Garis Panduan IUCN untuk Pengembalian dan Translokasi Pemuliharaan Lain).

Satu Rancangan:

pembangunan terangkum strategi pengurusan dan tindakan pemuliharaan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk semua populasi spesies, sama ada dalam atau luar kawasan asli.

Tumbuhan:

semua bahagian hidup flora yang dikenal pasti, termasuk biji benih.

Masa perampasan: masa awal di mana badan berkuasa menahan organisma hidup.

Penguksuhan:

pergerakan terancang dan pelepasan organisma ke dalam populasi sedia ada untuk menambahkan populasi spesies terancam di alam liar (Garis Panduan IUCN untuk Pengembalian dan Translokasi Pemuliharaan Lain).

Pengembalian:

pergerakan terancang dan pelepasan organisma ke dalam kawasan aslinya di mana organisma tersebut telah hilang (Garis Panduan IUCN untuk Pengembalian dan Translokasi Pemuliharaan Lain).

Hantar pulang:

pemulangan individu yang dirampas ke negara asal.

Translokasi:

merupakan pergerakan organisma hidup dengan bantuan manusia daripada suatu kawasan, dengan pelepasan ke kawasan yang lain, termasuk melalui projek pengembalian dan pengukuhan (Garis Panduan IUCN untuk Pengembalian dan Translokasi Pemuliharaan Lain).

2 Kriteria untuk membuat keputusan

Tiga kriteria utama menetapkan batasan untuk membuat keputusan mengenai cara mengurus haiwan dan tumbuhan hidup yang dirampas dan oleh itu penting untuk dipertimbangkan sebelum mengambil tindakan.

2.1 Skala individu

Cara organisma yang dirampas diurus akan sebahagiannya bergantung pada sifat individu tertentu itu, walaupun jika individu tersebut merupakan sebahagian daripada sejumlah besar haiwan atau tumbuhan yang dirampas. Oleh itu, penilaian perlu dibuat pada tahap individu. Dari segi pemuliharaan, **faktor penting untuk ditentukan ialah spesies di mana individu tersebut tergolong**. Dalam banyak kes, menentukan populasi liar asal individu tersebut tidak boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun, dalam kes di mana populasi ini diketahui, keputusan perlu dibuat berdasarkan kepada *populasi asal* dan bukan *negara asal*. Sebaik sahaja pengenalpastian spesies disahkan, pelan tindakan untuk individu tersebut boleh dibangunkan. Tanpa mengetahui spesies sebenar, pilihan yang terbuka untuk pihak pengurusan adalah sangat terhad. Pengenalpastian tepat bagi individu boleh menjadi sangat mencabar, khususnya apabila bilangan haiwan perlu akan dikenal pasti adalah banyak dan haiwan tersebut kelihatan serupa; tetapi, keputusan berdasarkan pemuliharaan, kesihatan dan tempat asal, sebagai contoh, memerlukan pengenalpastian yang tepat dan pertimbangan setiap organisma.

Kajian kes: Pasar burung Indonesia



© Kira Mileham

Pasar Burung Pramuka di Jakarta merupakan pasar burung terbesar di Indonesia. Banyak burung asli daripada status pemuliharaan yang berbeza-beza diambil secara haram dari alam liar dan dijual untuk pasaran burung siul. Cabaran untuk mengenal pasti haiwan yang dijual secara sah dan haiwan yang dijual secara haram adalah besar dan memerlukan kepakaran dan sumber kewangan yang ketara. Sebagai contoh, pada tahun 2016 laporan TRAFFIC¹ mendokumentkan hampir 23,000 ekor burung direkodkan di lima buah pasar di Surabaya, Yogyakarta dan Malang semasa tinjauan selama tiga hari yang menunjukkan dengan jelas bahawa kebanyakan burung ini diambil secara haram dari alam liar. Selain itu, kebanyakan burung di Pasar Burung Pramuka bukan asli, diimport secara haram dan menimbulkan ancaman nyata terhadap kehidupan burung Indonesia jika burung tersebut tidak diurus dengan betul.

¹ Chng, S.C.L. dan Eaton, J.A. (2016). *In the Market for Extinction: Eastern and Central Java*. TRAFFIC. Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Organisma yang identiti spesiesnya tidak diketahui (walaupun disyaki) tidak SEKALI-KALI patut dilepaskan ke dalam alam liar kerana ini akan menimbulkan risiko yang amat besar kepada biodiversiti global. Melainkan terdapat pelan meringankan risiko yang sangat disokong, (lihat Garis Panduan IUCN untuk Pengembalian dan Translokasi Pemuliharaan Lain), secara amnya, individu HANYA patut dipertimbangkan untuk dilepaskan ke kawasan asal individu tersebut dan jika diketahui, ke dalam populasi asal. Sekatan ini perlu untuk mengelakkan mengenalkan spesies invasif asing, menyebabkan pencemaran genetik dan mengubah struktur genetik spesies.

2.2 Sumber yang tersedia

Salah satu faktor yang paling penting mempengaruhi pembuatan keputusan ialah *tahap sumber* yang tersedia untuk pihak berkuasa perampasan. Tahap sumber tersedia yang dikenal pasti mungkin berbeza-beza bergantung pada keadaan dan keutamaan pemuliharaan. Walau bagaimanapun, dalam setiap keadaan, sumber yang tersedia adalah terbatas dan pihak berkuasa perampasan perlu menilai tindakan yang diingini, sesuai dan boleh dilaksanakan dalam konteks kekangan sumber. Pihak berkuasa perampasan mungkin memindahkan pengurusan individu yang dirampas kepada organisasi pihak ketiga yang bertanggungjawab dan tahap sumber yang tersedia untuk organisasi pihak ketiga tersebut sudah pasti akan mempengaruhi cara individu diurus dalam jangka masa yang pendek dan panjang. Sebelum keputusan tentang pilihan pengurusan yang sesuai dapat dibuat, pertimbangan perlu diberikan kepada sumber yang tersedia, termasuk:

- i. Adakah sumber yang mencukupi (seperti dana, kakitangan, kapasiti kuarantin dan kepakaran) tersedia untuk **menghantar pulang** individu ke negara/kawasan asal di mana individu akan diurus mengikut tahap piawaian yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini?
- ii. Adakah sumber yang mencukupi tersedia untuk melaksanakan program **pengembalian / translokasi / pengukuhan** (seperti dana, kepakaran dan pemantauan), khususnya untuk spesies yang dikelaskan sebagai terancam?
- iii. Adakah sumber yang mencukupi tersedia untuk memastikan **pengurusan ex situ jangka masa panjang** (iaitu dalam kurungan) bagi individu tersebut pada tahap kebajikan yang sesuai (seperti dana, kemudahan, kakitangan dan kepakaran)?
- iv. Adakah terdapat organisasi yang sesuai atau kumpulan organisasi yang dapat membekalkan sumber yang diperlukan untuk mana-mana pilihan

di atas dan oleh itu, dapat bertindak sebagai pihak ketiga (selain daripada pihak berkuasa perampasan dan negara asal) dalam pengurusan individu?

v. Adakah tahap peruntukan sumber yang dicadangkan menggambarkan nilai pemuliharaan individu?

IUCN mengakui bahawa ketersediaan sumber boleh menjadi elemen yang *paling* penting untuk membuat keputusan. Walau bagaimanapun, dalam kes pengurusan individu spesies yang dikelaskan sebagai terancam, usaha yang ketara mungkin diperlukan untuk memperoleh tahap sumber yang sesuai.

2.3 Pertimbangan undang-undang dan persetujuan antarabangsa

Menentukan cara mengurus individu akan bergantung bukan sahaja kepada ciri individu dan sumber yang tersedia, tetapi juga kepada keadaan setempat – terutamanya *undang-undang* negara di mana individu dirampas dan mana-mana *konvensyen, persetujuan atau peraturan antarabangsa* yang berkenaan. Dalam konteks perampasan, jika pihak berkuasa perampasan berada di dalam negara yang terikat dengan peraturan CITES, maka protokol CITES untuk mengurus spesies yang disenaraikan oleh CITES (Penyelesaian CITES Persidangan 17.8 berkenaan Pelupusan spesimen spesies yang disenaraikan oleh CITES yang didagangkan secara haram dan dirampas) perlu dipatuhi dan dilaksanakan di bawah 'Kuasa Pengurusan'.

3 Perancangan tindakan

3.1 Penjagaan jangka masa pendek segera

Peringkat pertama tindakan mengurus organisma hidup yang dirampas adalah memastikan bahawa individu selamat dan mana-mana kesengsaraan telah dikurangkan sebanyak yang mungkin. Banyak haiwan dan tumbuhan yang dirampas oleh pihak berkuasa menderita pada banyak tahap daripada faktor seperti: tekanan, kekurangan makanan, air atau cahaya, keadaan pengangkutan yang tidak sesuai, penyakit dan piawaian penjagaan haiwan dan tumbuhan yang tidak baik. Keutamaan segera seharusnya adalah pembekalan segera **standard penjagaan haiwan dan tumbuhan yang sesuai** untuk memastikan keperluan asas dipenuhi, seperti air, makanan, ruang, cahaya dan perlindungan yang sesuai. Spesies berbeza mempunyai keperluan penjagaan dan kebajikan yang berbeza. Ini adalah benar untuk kedua-dua haiwan dan tumbuhan. Kegagalan untuk memberi penjagaan yang mencukupi (sebagai contoh, menyiram terlalu banyak air untuk tumbuhan sukulen; barang makanan yang tidak sesuai untuk penyuap pakar) mungkin mengakibatkan lebih penderitaan dan kematian. Oleh itu, sangat disyorkan, seperti yang digariskan di atas, supaya pihak berkuasa perampasan mempunyai akses kepada atau memulakan secara proaktif **Rangkaian Penasihat Perampasan** yang dapat menasihati tentang keperluan penjagaan jangka masa pendek segera. Bidang Tugas yang dicadangkan untuk **Rangkaian Penasihat Perampasan** ditetapkan dalam Lampiran 1. Maklumat lanjut tersedia dalam *Strategi Kebajikan Haiwan Zoo dan Akuarium Dunia*.

Oleh sebab terdapat risiko penyakit dipindahkan kepada organisma lain daripada organisma hidup yang dirampas (termasuk risiko terhadap manusia), ia adalah penting sekali supaya organisma yang dirampas diletakkan segera ke dalam kemudahan kuarantin. Keperluan kuarantin mungkin berbeza-beza bergantung pada spesies dan keadaan tertentu. Panduan tentang prosedur dan kemudahan yang sesuai tersedia dalam *Buku Panduan Prosedur untuk Analisis Risiko Penyakit Hidupan Liar OIE-IUCN*. Kod Kesihatan Haiwan Daratan OIE Bab 5.6 dan Protokol Kuarantin dan Penyaringan Kesihatan untuk Hidupan Liar sebelum Translokasi dan Pelepasan ke dalam Alam Liar OIE-IUCN-EAZWV memberi maklumat tambahan berguna. Pautan kepada dokumen ini dan dokumen lain yang berguna disediakan dalam Lampiran 2.

Sebaik sahaja keperluan segera dipenuhi, adalah penting untuk mengumpulkan maklumat untuk memaklumkan proses membuat keputusan mengenai pengurusan jangka lebih panjang individu.

Bahagian berikut bertujuan untuk digunakan bersama dengan carta aliran yang disertakan: Pengumpulan maklumat dan penilaian awal (Lampiran 3) dan Pokok Keputusan - Spesies yang dirampas (Lampiran 4).

3.2 Pengumpulan maklumat dan proses penilaian awal

3.2.1. Pengenalpastian spesies

Sebaik sahaja organisma selamat, keutamaan seterusnya adalah untuk pihak berkuasa perampasan menentukan *identiti spesies yang tepat* bagi setiap individu. Perkara ini boleh menjadi mencabar, terutamanya dalam kes perampasan jumlah besar individu daripada taksa yang kelihatan serupa. Oleh sebab ini, hubungan proaktif perlu dibina dengan **pakar taksonomi**, sebagai sebahagian daripada **Rangkaian Penasihat Perampasan** (lihat Lampiran 1), untuk membantu proses ini. Banyak spesies haiwan dan tumbuhan menyerupai satu sama lain secara visual, jadi jika pengenalpastian spesies tidak dibuat dengan berhati-hati, spesies yang salah mungkin dikenal pasti dan menyebabkan semua keputusan berikutnya disalah maklum. Pengenalpastian boleh menjadi lebih rumit apabila subspecies, jenis dan perubahan taksonomi dipertimbangkan.

Kajian kes: pengenalpastian spesies



© Craig Stanford

Kura-kura katup Indo-China (*Cuora galbinifrons*) berasal dari Vietnam utara, Laos utara dan China selatan. Di Vietnam tengah dan Laos tengah, kura-kura katup Bouretti (*Cuora bouretti*) memenuhi ekosistem yang serupa. Pada tahun 2004, ujian DNA menyebabkan pengelasan semula kura-kura katup Bouretti daripada subspecies *C. galbinifrons* kepada spesies penuh. Walau bagaimanapun, daripada rupa luaran, kedua-dua spesies hampir-hampir tidak dapat dibezakan. Kedua-dua spesies disenaraikan sebagai spesies terancam (CR) dan kedua-duanya bernilai tinggi dalam perdagangan haram hidupan liar dan dicari oleh pemburu haram. Semasa pengumpulan oleh pedagang dan kemudiannya dalam pemuatan dalam pengangkutan, beberapa spesies kura-kura mungkin bercampur dalam kontena yang sama dan ia menjadi sangat sukar untuk dikenal pasti sebagai spesies yang berbeza melainkan pengenalpastian dilakukan oleh pakar herpetologi.

Beban pengenalpastian ditanggung oleh pihak berkuasa perampasan. Penggunaan panduan, buku panduan dan kata kunci taksonomi yang tersedia untuk pengenalpastian asas adalah sangat disyorkan. Oleh sebab potensi implikasi pengenalpastian yang salah, apabila terdapat keraguan atau potensi kekeliruan, ia adalah disyorkan supaya pihak berkuasa perampasan merujuk kepada pakar taksonomi; kepakaran sebegini boleh dijumpa di muzium sejarah semula jadi, universiti, herbarium, taman botani, zoo atau akuarium, atau kadang-kadang mungkin terdapat pakar yang terkenal dalam bidang takson tertentu. **Kumpulan Pakar Suruhanjaya Kemandirian Spesies IUCN (SSC)** kadang-kadang dapat memberikan bantuan yang diperlukan atau menjalinkan hubungan dengan kepakaran lain yang sesuai. Pakar takson biasanya dapat membantu dalam proses pengenalpastian melalui imej digital, tetapi dalam sesetengah kes, bantuan

lanjut dengan pemprofilan DNA mungkin diperlukan untuk memberi sokongan bagi pengenalpastian muktamad.

3.2.2. Status pemuliharaan dan keutamaan IUCN

The IUCN Red List of Threatened Species™ (Senarai Merah Spesies Terancam IUCN) telah mengambil langkah yang besar dalam mengenal pasti status pemuliharaan bagi spesies yang diketahui dunia dan walaupun tidak lengkap, senarai tersebut merupakan titik permulaan yang sangat baik untuk pihak berkuasa perampasan.

Demi kepentingan pemuliharaan biodiversiti dunia, untuk tujuan mengurus organisma yang dirampas, adalah didebatkan bahawa individu spesies yang terancam dengan kepupusan atau yang mempunyai nilai pemuliharaan yang tidak diketahui sepatutnya mendapat keutamaan ke atas sumber yang tersedia. Spesies ini termasuklah spesies yang dikelaskan sebagai Terancam Secara Kritikal, Terancam, Terjejas, Kekurangan Data, Tidak Dinilai atau Pupus di Alam Liar).

Selain Senarai Merah IUCN global, data Senarai Merah negara dan wilayah (jika ada), Pelan Tindakan Biodiversiti Negara dan/atau pihak berkuasa berkaitan dengan pengelasan spesies terancam negara perlu dirujuk untuk menentukan nilai pemuliharaan wilayah individu yang dirampas. Pengenalpastian individu spesies yang penting di dalam negara juga mungkin memerlukan pengetahuan dan sumber pakar.

3.2.3. Kesihatan

Sama ada semasa dalam perjalanan, pemegangan atau translokasi, pemindahan haiwan dan tumbuhan ke luar kawasan asli boleh menimbulkan risiko penjangkitan penyakit yang ketara terhadap manusia dan punca pendapatan manusia, serta terhadap individu lain daripada spesies yang sama atau berlainan. Pengurangan risiko ini dibincangkan dalam Garis Panduan IUCN untuk Analisis Risiko Penyakit Hidupan Liar dan Garis Panduan IUCN untuk Pengembalian dan Translokasi Pemuliharaan Lain.

Ia adalah sangat penting untuk membuat penilaian *keupayaan untuk hidup* bagi setiap organisma sama ada di alam liar atau dalam kurungan (sama ada untuk jangka masa yang pendek atau panjang), termasuk jika ia berada di dalam keadaan **bebas daripada penyakit** yang berpotensi menjejaskan populasi spesies liar dan/atau terkurung yang sama atau berlainan. Selain itu, menilai keupayaan untuk hidup biasanya lebih daripada menentukan kesihatan fizikal langsung. Tidak pelik untuk individu yang dirampas menjadi tidak sihat secara fizikal atau (untuk haiwan) secara mental untuk apa-apa perkara selain daripada penjagaan secara kurungan untuk jangka masa yang panjang atau dalam kes yang lebih ekstrem, eutanasia suatu haiwan atau pelupusan tumbuhan. Kacukan dan fenotip luar biasa juga mungkin tidak sesuai secara genetik untuk dilepaskan.

Eutanasia dalam Garis Panduan ini merujuk kepada penamatan hayat haiwan secara berperikemanusiaan untuk tujuan mengelakkan penderitaan yang berpanjangan bagi haiwan yang tercedera dan/atau sakit. Protokol untuk melaksanakan eutanasia haiwan yang tercedera dan/atau sakit digariskan dalam **Garis Panduan AVMA berkenaan Eutanasia**.

Menentukan keupayaan untuk hidup merupakan satu cabaran dan pihak berkuasa perampasan mungkin akan memerlukan kepakaran, sebagai sebahagian daripada **Rangkaian Penasihat Perampasan** (lihat Lampiran 1) untuk menilai keupayaan ini untuk mana-mana individu yang dirampas.

3.2.4. Keupayaan untuk hidup

Keupayaan individu untuk hidup di alam liar perlu dipertimbangkan dari segi sama ada individu tersebut telah wujud secara sejarah di alam liar tanpa sokongan atau boleh berbuat demikian tanpa sokongan berterusan. Individu yang telah dilahirkan atau hidup sebahagian besar kehidupannya dalam kurungan atau telah dibiakkan secara tiruan, *mungkin* berupaya untuk hidup di alam liar tanpa bantuan dan menyumbang kepada pemuliharaan biodiversiti global. Walau bagaimanapun, individu lain mungkin tidak berupaya untuk berbuat demikian dan perkara ini perlu dinilai oleh pakar tingkah laku, penternakan atau botani, sebagai sebahagian daripada **Rangkaian Penasihat Perampasan** (lihat Lampiran 1) sebelum keputusan dibuat. Jika suatu organisma *telah* dilahirkan dalam kurungan atau dibiakkan secara tiruan, tetapi dianggap cukup sihat untuk dilepaskan ke alam liar, maka **Garis Panduan IUCN untuk Pengembalian dan Translokasi Pemuliharaan Lain** dan **Garis Panduan IUCN berkenaan Penggunaan Pengurusan Ex situ untuk Pemuliharaan Spesies** perlu digunakan sebagai asas untuk menilai sama ada pelepasan individu tersebut boleh memberi sumbangan yang berguna kepada pemuliharaan, dengan tahap risiko terhadap populasi liar yang minimum dan yang boleh diterima.

3.2.5. Sebab perampasan

Dalam sesetengah keadaan, perampasan boleh menjadi sementara, seperti disebabkan oleh kertas kerja yang diperlukan untuk membenarkan individu didagangkan tidak dilengkapi dengan betul. Oleh itu, perampasan boleh menjadi 'jangka masa pendek' (iaitu, protokol pengurusan sehingga individu boleh dipindahkan dengan sah); atau 'jangka masa panjang' (iaitu, protokol pengurusan untuk individu yang dirampas disebabkan oleh kepenyalahan undang-undang yang tidak boleh diatasi). Semasa mempertimbangkan sebab perampasan, dua soalan perlu ditanya:

i. Mengapakah individu tersebut dirampas?

Adakah perkara ini merupakan isu prosedur yang tidak betul untuk spesies yang boleh didagang secara sah atau adakah spesies yang dilarang daripada didagangkan di bawah persetujuan antarabangsa dan undang-undang negara?

Jika individu tergolong dalam spesies yang **boleh** didagang secara sah, maka 'satu-satunya' isu ialah perolehan, perdagangan atau penyimpanan yang sah atau tidak sah. Bergantung kepada keadaan dan kawasan, pilihan yang terbuka untuk pihak berkuasa perampasan mungkin termasuk penyimpanan organisma tersebut sehingga tindakan undang-undang telah selesai atau organisma tersebut diserahkan kepada pihak berkuasa untuk pengurusan berterusan.

ii. Siapakah yang menuntut pemilikan individu?

Adakah sesiapa yang menuntut pemilikan individu? Jika orang yang menuntut pemilikan tersebut dikenali, maka sekali lagi soalan tentang sebab perampasan akan timbul. Bergantung pada keadaan, pilihan terbuka untuk pihak berkuasa perampasan mungkin termasuk penyimpanan organisma tersebut sehingga proses undang-undang selesai atau organisma tersebut diserahkan kepada pihak berkuasa untuk pengurusan. Jika tiada sesiapa yang menuntut pemilikan individu, maka pengurusan perlu ditentukan dengan proses pokok keputusan (lihat Lampiran 4).

3.2.6. Negara asal dan ketibaan

Menentukan tempat asal individu boleh menjadi sangat sukar kerana individu mungkin telah melepasi beberapa kawasan atau negara sebelum dirampas. Selain itu, banyak spesies dan subspesies wujud secara semula jadi di banyak negara. Sebagai contoh, mengenal pasti negara asal burung kakak tua Afrika Barat yang dirampas (*Psittacus erithacus* dan *Psittacus timneh*), boleh menyusahkan kerana spesies yang banyak didagangkan ini merupakan spesies asli di tiga belas buah negara dan individu kerap diseludup merentasi sempadan.



© Kira Mileham

Dari sudut pandangan pengurusan, secara idealnya, individu akan dirampas dalam negara asal. Perkara ini menjadikan proses membuat keputusan lebih mudah kerana negara tersebut bertanggungjawab menguruskan sumber biodiversitinya sendiri dan pemilikan nasional bagi individu tersebut adalah jelas. Proses membuat keputusan dan pilihan untuk pengurusan adalah lebih rumit apabila individu dirampas di negara selain daripada negara asal. Dalam semua kes, penting untuk menentukan sama ada negara asal berada dalam kawasan asli spesies, atau jika individu tersebut merupakan spesies invasif asing dalam negara asal, atau jika individu tersebut tidak wujud (sama ada secara semula jadi atau sebagai spesies invasif asing) di negara asal. Kemungkinan berlainan ini mempunyai implikasi berbeza untuk keputusan berkenaan pengurusan masa hadapan individu tersebut.

3.2.7. Spesies invasif yang dikenal pasti

Sesetengah spesies dikenal pasti sebagai memiliki potensi invasif yang serius dan oleh itu, menimbulkan ancaman ketara terhadap biodiversiti global. Perkara ini direkodkan dalam [Pangkalan Data Spesies Invasif Global IUCN](#). Individu spesies ini tidak sekali-kali patut dilepaskan ke dalam alam liar di luar kawasan asli individu tersebut.

3.3 Penyimpanan sementara

Sebaik sahaja maklumat yang mencukupi telah dikumpulkan untuk memaklumkan keputusan, organisma hidup mungkin perlu disimpan di dalam keadaan kebajikan yang sesuai untuk suatu tempoh masa sebelum ia tiba di destinasi terakhir. Dalam kes ini, kemudahan penyimpanan sementara perlu dicari dengan bantuan **Rangkaian Penasihat Perampasan** (lihat Lampiran 1). Standard penjagaan seharusnya merupakan standard yang disyorkan dalam [Penjagaan Hidupan Liar: Strategi Kebajikan Haiwan Zoo dan Akuarium Dunia](#).

Apabila semua maklumat di atas telah dikumpulkan, maka keputusan untuk pengurusan jangka masa lebih panjang dapat dibuat menggunakan Pokok Keputusan (lihat carta aliran yang disertakan dalam Lampiran 4).

3.4 Menggunakan Pokok Keputusan untuk pengurusan jangka masa lebih panjang

Pilihan yang tersedia untuk pihak berkuasa perampasan adalah terhadap kepada tiga kemungkinan utama, dengan pilihan keempat yang mungkin kurang diingini jika dibenarkan oleh undang-undang dan jika pilihan 1, 2 dan 3 dianggap tidak sesuai. Semua keputusan perlu dibuat secara terbuka dan dengan pewajaran yang teliti. Pilihan ini ialah:

1. Penghantaran pulang
2. Translokasi pemuliharaan (termasuk 'Pengenalan semula');
3. Pengurusan *ex situ* jangka masa panjang; dan
4. Pembunuhan/pemusnahan berperikemanusiaan (jika keadaan setempat membenarkan) individu sihat (sama ada haiwan atau tumbuhan) atau eutanasia haiwan yang tidak sihat

Nota Penting: Sila rujuk carta aliran (Lampiran 3 dan 4) untuk menentukan pilihan yang paling sesuai dengan individu tersebut.

3.4.1 Penghantaran pulang

Jika negara asal berbeza daripada negara perampasan, maka pihak berkuasa perampasan boleh menimbangkan pemulangan individu tersebut ke negara asal untuk pihak berkuasa negara itu membuat keputusan. Walau bagaimanapun, terdapat faktor penting yang perlu dipertimbangkan sebelum menentukan sama ada untuk menghantar pulang individu atau tidak. Faktor ini adalah:

- Adakah negara asal terletak dalam kawasan asli spesies?
- Adakah diketahui bahawa tempat asal konsainan adalah juga negara asal spesies tersebut? Boleh jadi bahawa individu telah tiba di negara perampasan melalui beberapa negara dan negara asal yang tepat tidak diketahui.
- Adakah negara asal *sanggup* dan dapat mengurus individu yang dirampas?
- Adakah terdapat apa-apa kebimbangan mengenai kebajikan individu tersebut jika ia dihantar pulang? Jika terdapat kebimbangan, penghantaran pulang individu tersebut mungkin tidak sesuai.
- Adakah terdapat persetujuan tentang pihak yang mana akan menanggung kos sebarang penghantaran pulang?
- Adakah individu dihantar pulang ke negara asal demi kepentingan individu itu sendiri (disebabkan oleh perang saudara, kekangan ekonomi dll)?
- Adakah terdapat mana-mana pakar/NGO yang diiktiraf di negara tersebut yang dapat membantu pihak berkuasa dengan pengurusan pengembalian konsainan, jika diperlukan?
- Adakah terdapat jaminan mencukupi bahawa negara asal mempunyai sistem yang cekap dan berkesan untuk mengelakkan individu yang dirampas diletakkan semula ke dalam perdagangan haram?

3.4.2 Translokasi (atau 'pengembalian individu yang dirampas ke alam liar')

Walaupun perkara ini kelihatan seperti pilihan yang paling menarik untuk pihak berkuasa perampasan dari segi kebajikan individu (haiwan), tanggapan orang awam dan merupakan '*perkara yang betul untuk dilakukan*' secara moral, terdapat beberapa faktor penting yang perlu dipertimbangkan sebelum mengambil tindakan berikut, walaupun niatnya adalah baik.

Penting untuk menekankan kenyataan bahawa pengembalian individu ke alam liar dengan cara yang bertanggungjawab boleh menjadi sangat sukar, selalunya memerlukan komitmen jangka masa panjang dan sumber yang banyak (bukan sahaja sumber kewangan). Oleh itu, pihak berkuasa perampasan perlu yakin bahawa mereka mempunyai komitmen dan sumber untuk mengambil tindakan sedemikian. Oleh yang demikian, translokasi yang dilaksanakan dari sudut pandangan pemuliharaan spesies dapat menjadi alat yang sangat bernilai. Penting untuk ingat bahawa disebabkan oleh kepentingan pemuliharaan biodiversiti dan oleh sebab persaingan yang kerap untuk sumber yang terhad (kewangan dan lain-lain), translokasi individu yang dirampas daripada spesies tidak terancam **tidak** patut diutamakan lebih daripada spesies yang terancam. Secara praktiknya, oleh sebab kekangan yang banyak negara hadapi apabila mengendalikan perampasan, perkara ini bermaksud bahawa sumber seharusnya digunakan **terdahulu** untuk translokasi dengan tujuan pemuliharaan dan bukannya untuk translokasi dengan tujuan *kebajikan, agama, estetik, belanjawan atau kemudahan* semata-mata. Selain itu, translokasi spesies bukan asli bertentangan dengan prinsip pemuliharaan biodiversiti dan tidak sekali-kali harus spesies yang tidak diketahui asalnya, status bukan asli atau risiko penyakit yang tidak diketahui dilepaskan ke alam liar.

Kajian kes: pelepasan yang tidak betul menyebabkan penularan spesies asing invasif



© Russell A. Mittermeier

Daripada “Of Least Concern? Range extension by Rhesus Macaques (*Macaca mulatta*) threatens long-term survival of Bonnet Macaques (*M. radiata*) in peninsular India”. Oleh Kumar, R., Radhakrishna, S. and Sinha, A. (2011) *International Journal Primatology* 32: 945-959. doi:10.1007/s10764-011-9514-y

“Bonnet macaque telah berpindah daripada banyak kawasan dalam kawasan taburan terdahulu mereka. Had taburan selatan dan utara untuk resus dan bonnet macaque, masing-masing kini berada selari dengan satu sama lain di bahagian barat negara, terpisah oleh jurang yang besar di India tengah dan bertumpu di pantai timur semenanjung untuk membentuk zon tindihan taburan. Kawasan tindihan ini disifatkan sebagai kewujudan kumpulan spesies bercampur, dengan kumpulan tulen kedua-dua spesies kadangkala wujud secara rapat dengan satu sama lain. dengan satu sama lain. Kawasan tambahan rhesus macaque—proses semula jadi di sesetengah kawasan dan akibat langsung daripada pengenalan spesies oleh manusia di kawasan lain—menimbulkan implikasi yang buruk terhadap populasi bonnet macaque yang endemik dan makin berkurangan di India selatan.”

Panduan menyeluruh untuk menilai kesesuaian translokasi pemuliharaan sebagai alat pengurusan untuk individu yang dirampas diberikan dalam *Garis Panduan IUCN untuk Pengembalian dan Translokasi Pemuliharaan Lain*.

3.4.3 Pengurusan *ex situ* jangka masa panjang

Terdapat beberapa sebab individu organisma **tidak boleh** dikembalikan ke alam liar dengan segera atau dalam jangka masa panjang dan oleh itu, mestilah disimpan di dalam penjagaan haiwan kurungan jangka masa panjang. Sebab ini termasuklah (tetapi tidak terhad kepada) yang berikut:

- Maklumat yang tersedia tidak mencukupi untuk membolehkan translokasi diteruskan, sebagai contoh identiti spesies yang tidak jelas, risiko penyakit dll.
- Umur atau peringkat hidup individu, atau sebab lain, menunjukkan bahawa individu tersebut kekurangan kemahiran yang diperlukan untuk hidup di alam liar.
- Terdapat rasa bimbang tentang kesihatan fizikal atau psikologi individu.
- Keperluan ekologi spesies di mana individu tersebut tergolong di dalam (cth., keperluan habitat, had keupayaan penampungan dll) menjadikan translokasi sukar.
- Keperluan sosial/tingkah laku spesies di mana individu tersebut tergolong di dalam (cth., struktur umur, nisbah jantina, struktur sosial dll) menjadikan translokasi sukar.
- Terdapat kekurangan sumber yang tersedia untuk program pelepasan.
- Terdapat kekurangan habitat yang tersedia.
- Individu tidak menunjukkan ciri-ciri liar (cth., kacukan, morf warna bukan liar dll).
- Keperluan permit dan/atau penangguhan kebenaran daripada agensi kerajaan yang berkaitan menyusahkan translokasi.
- Ancaman langsung terhadap kelanjutan hayat spesies (seperti pemburuan atau konflik manusia/hidupan liar yang menyebabkan individu spesies tersebut dianggap sebagai 'perosak').
- Terdapat risiko kesihatan untuk spesies lain atau terdapat rasa bimbang tentang kesihatan orang awam.

Jika keputusan dibuat bahawa penyimpanan jangka masa panjang dalam kurungan merupakan pilihan yang lebih baik, maka *Garis Panduan IUCN berkenaan Penggunaan Pengurusan Ex situ untuk Pemuliharaan Spesies* perlu dikaji dengan teliti untuk memahami impak pemuliharaan mana-mana keputusan sedemikian. *Strategi Kebajikan Haiwan Zoo dan Akuarium Dunia* juga perlu dirujuk dengan teliti untuk memahami pendekatan dan standard penjagaan yang diperlukan untuk mengekalkan keputusan ini dalam jangka masa panjang. Jika syarat pengekalan jangka masa panjang individu boleh dipenuhi, maka *Garis Panduan Kebajikan* ini perlu digunakan sebagai alat pengurusan yang berterusan.



© Kira Mileham

Di sesetengah negara, individu yang dirampas yang dianggap tidak sesuai untuk translokasi hendaklah, mengikut undang-undang, ditempatkan di kemudahan penyimpanan (seperti pusat penyelamatan, zoo dan taman botani). Perkara ini mungkin meletakkan beban sumber ke atas pusat penyelamatan itu dan mungkin menyebabkan masalah sumber atau kebajikan. Dalam sesetengah kes, pengurusan individu daripada spesies yang tidak terancam dengan membenarkan individu tersebut kembali ke dalam perdagangan sah mungkin merupakan penyelesaian yang boleh dipertimbangkan, selagi perkara ini TIDAK mempunyai kesan yang buruk terhadap populasi liar spesies terancam (sebagai contoh dengan merangsang perdagangan yang haram atau yang tidak mampan bagi spesies itu atau spesies yang serupa sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa, atau dengan penularan penyakit, atau dengan memperkenalkan spesies di luar kawasan asli spesies tersebut). Mana-mana pengembalian kepada perdagangan yang sah hanya boleh dibenarkan jika terdapat penguatkuasaan undang-undang yang kukuh dan berkesan supaya rasuah dan perdagangan haram tidak dirangsang, serta agar tidak ada individu atau syarikat yang mendapat keuntungan daripada perdagangan haram.

Harus diingatkan bahawa terdapat risiko dan manfaat daripada penyimpanan individu dalam penjagaan jangka masa panjang. Risiko terhadap haiwan, tumbuhan dan manusia termasuk bahaya daripada penyakit atau haiwan terlepas, serta kos yang berkaitan dengan penjagaan di dalam kurungan. Potensi manfaat termasuklah penggunaan individu dalam program pembiakan, pendidikan dan/atau penyelidikan yang terurus.

Jika penjagaan haiwan dalam kurungan untuk jangka masa yang panjang dipilih, keutamaan harus diberikan kepada penempatan individu yang dirampas di zoo dan taman botani yang tersedia dengan ruang dan kepakaran, serta tempat yang menyertai program pembiakan *ex situ* negara dan/atau antarabangsa di bawah pendekatan 'Satu Rancangan'.

3.4.4 Pembunuhan / pemusnahan berperikemanusiaan

Pembunuhan berperikemanusiaan sebagai alat pengurusan – pengambilan nyawa haiwan untuk sebab selain daripada untuk melegakan penderitaan (eutanasia) – adalah dilarang di banyak negara dan dianggap tidak boleh diterima atas sebab agama atau etika di banyak negara lain. Undang-undang dan budaya setempat perlu dipatuhi sebelum mempertimbangkan sama ada pilihan tersebut sedia untuk digunakan atau tidak.

Pembunuhan berperikemanusiaan boleh dilihat sebagai kegagalan semua pilihan lain untuk mengurus individu; walau bagaimanapun pilihan ini kadangkala merupakan satu-satunya pilihan yang sesuai dan dapat mengatasi cabaran pada masa akan datang, seperti individu dikekalkan dalam kebajikan dengan piawaian yang sangat rendah atau dilepaskan secara tidak bertanggungjawab.

Cara sesebuah negara mengurus haiwan di negara itu boleh mempunyai kesan yang ketara terhadap cara hidupan liar dilihat dalam negara itu. Terdapat pertimbangan undang-undang, etika dan moral yang penting yang perlu diambil kira oleh pihak berkuasa perampasan (atau pengurus pihak ketiga) sebelum pembunuhan berperikemanusiaan boleh digunakan sebagai alat pengurusan yang sesuai untuk haiwan. Alat ini tidak seharusnya digunakan sewenang-wenangnya. Jika semua pilihan lain telah diterokai dengan teliti dan pembunuhan berperikemanusiaan adalah wajar, maka proses yang tindakan ini diambil memerlukan prosedur yang berperikemanusiaan. Panduan diberikan dalam **Garis Panduan AVMA berkenaan Eutanasia**.

Pemusnahan bahan tumbuhan hidup yang dirampas daripada spesies tidak terancam disyorkan sebagai alat yang sesuai digunakan oleh pihak berkuasa perampasan jika pilihan lain telah dianggap tidak sesuai. Oleh sebab risiko yang timbul daripada pembentukan spesies invasif daripada tumbuhan hidup yang dirampas (termasuk biji benih), *pembakaran* semua bahagian tumbuhan yang dirampas merupakan kaedah pemusnahan yang disyorkan.

4 Kesimpulan

Seperti yang dijelaskan daripada pilihan sebelumnya, tiada satu pun pilihan boleh dianggap sebagai yang paling unggul. Pilihan yang paling baik adalah untuk mengelakkan haiwan dan tumbuhan hidup daripada didagangkan secara haram daripada mulanya. Walau bagaimanapun, dalam dunia yang tidak sempurna, pihak berkuasa Perampasan perlu membuat keputusan yang sukar. Garis panduan ini ditawarkan untuk membantu pihak berkuasa sedemikian mempertimbangkan usaha pemuliharaan dalam membuat keputusan mereka.



© Thomas Couvreur



Lampiran 1

Rangkaian Penasihat Perampasan - Bidang tugas

Rasional untuk menilai sokongan daripada ‘Rangkaian penasihat perampasan’ tahap negara dikenal pasti dalam perenggan 3.1 *Garis panduan pengurusan organisma hidup yang dirampas* IUCN untuk memberikan nasihat tentang keperluan penjagaan jangka masa pendek segera individu yang dirampas.

Bidang tugas kumpulan atau pasukan sedemikian perlu menunjukkan pelbagai kecekapan, kemahiran dan hubungan yang diperlukan untuk membolehkan pihak penguatkuasaan mendapatkan penjagaan jangka masa pendek yang sesuai untuk organisma hidup yang dirampas dalam skala jangka masa pendek. Perkara ini diperlukan untuk mengelakkan kebajikan haiwan dan/atau kebolehhidupan haiwan, tumbuhan dan kulat makro terjejas. Jika langkah-langkah jangka masa pendek berjaya diambil, maka pilihan untuk penempatan individu dalam jangka masa lebih panjang boleh dipertimbangkan.

Untuk memastikan keperluan ini dapat dipenuhi, pembentukan kumpulan/pasukan perlu diberikan pertimbangan teliti, tetapi secara minima harus menentukan akses kepada:

- Kepakaran taksonomi untuk membolehkan pengenalanpastian yang cepat dan tepat pada tahap spesies/subspesies/jenis.
- Kepakaran tahap-spesies dalam bidang perubatan dan veterinar untuk kesihatan manusia dan haiwan, termasuk kuarantin.
- Kepakaran tingkah laku dan penjagaan yang sesuai untuk spesies.
- Kepakaran botani yang sesuai untuk spesies dalam kes tumbuhan.
- Kepakaran undang-undang yang sesuai.
- Kepakaran logistik untuk menasihatkan tentang pemegangan dan pengangkutan.

Kumpulan ini perlu mewujudkan dan mengekalkan hubungan dengan:

- Pusat penyelamatan/pemulihan hidupan liar dan tempat perlindungan setempat, wilayah dan antarabangsa, pihak berkuasa zoo dan taman botani, serta persatuan berkaitan yang mungkin dapat memberikan nasihat pakar dan dalam sesetengah kes, pemegangan jangka masa pendek.
- Pusat kegiatan Organisasi Dunia untuk Kesihatan Haiwan (OIE) dalam negara dan jabatan veterinar kerajaan/universiti yang mungkin dapat memberikan nasihat tentang isu kesihatan dan kebajikan haiwan (www.oie.int).
- Pihak Berkuasa Pengurusan dan Saintifik CITES dalam negara, serta Sekretariat CITES (www.cites.org).
- Pihak penguatkuasaan jenayah hidupan liar dan sempadan dalam negara.
- Agensi dan badan penasihat kebajikan haiwan liar dan kesihatan haiwan, serta fitosanitasi dalam negara yang lain yang bersesuaian.

- Jabatan Hubungan Rasmi Konvensyen Perlindungan Tumbuhan Antarabangsa (IPPC) dalam negara yang dapat memberikan nasihat tentang isu fitosanitasi (<https://www.ippc.int/en/>).

Kumpulan ini harus mewujudkan satu atau beberapa titik perhubungan yang boleh diakses 24 jam sehari dan yang boleh disediakan untuk pihak penguatkuasaan yang mungkin terlibat secara langsung dengan perampasan.

Kumpulan/pasukan ini perlu cuba mewujudkan program latihan untuk pihak penguatkuasaan untuk memastikan bahawa pihak berkuasa selesai dengan Garis Panduan Pengurusan Organisma Hidup yang Dirampas IUCN dan panduan CITES, IUCN, OIE, IPPC, WAZA dan lain-lain yang berkaitan.

Kumpulan/pasukan ini perlu cuba mewujudkan hubungan dengan kumpulan/pasukan yang sebegini di negara lain untuk membantu dalam pertukaran maklumat dan amalan terbaik.

Kriteria pemilihan dan bidang tugas khusus untuk modus operandi kumpulan/pasukan ini mungkin memerlukan tumpuan khusus wilayah atau negara. Semasa pembangunan, rangkaian penasihat mungkin ingin merujuk kepada dokumen terma rujukan yang relevan termasuk:

- Bidang Tugas untuk Kumpulan Pakar Suruhanjaya Kemandirian Spesies IUCN dan Pengerusi Pasukan Petugas

Badan dan bahan rujukan penting yang lain termasuklah:

- Persatuan Global Standard Kecemerlangan Perlindungan Haiwan/
- Persatuan Pusat Penyelamatan dan Tempat Perlindungan Eropah
- Strategi Kebajikan Haiwan WAZA
- Persidangan Penyelesaian CITES 17.8 berkenaan Pelupusan spesimen spesies yang disenaraikan oleh CITES yang didagangkan secara haram dan dirampas.

Lampiran 2

Sumber maklumat berguna dengan pautan Internet

Garis Panduan AVMA berkenaan Eutanasia Haiwan

<https://www.avma.org/KB/Policies/Pages/Euthanasia-Guidelines.aspx>

Persidangan Penyelesaian CITES 17.8 berkenaan *Pelupusan spesimen spesies yang disenaraikan oleh CITES yang didagangkan secara haram dan dirampas*

<https://cites.org/eng/res/17/17-08.php>

Komitmen terhadap Pemuliharaan: Strategi Pemuliharaan Zoo dan Akuarium Dunia

<https://www.waza.org/priorities/conservation/conservation-strategies/>

Pangkalan Data Spesies Invasif Global IUCN

<http://www.iucngisd.org/gisd/>

Garis Panduan IUCN berkenaan Pengurusan *Ex situ* untuk Pemuliharaan Spesies

<https://portals.iucn.org/library/node/44952>

Garis Panduan IUCN untuk Pengembalian dan Translokasi Pemuliharaan Lain

<https://portals.iucn.org/library/node/10386>

Senarai Merah Spesies Terancam IUCN

<http://iucnredlist.org/>

Kumpulan Pakar Suruhanjaya Kemandirian Spesies IUCN

<https://www.iucn.org/theme/species/about/species-survival-commission/ssc-specialist-group-directory>

Protokol Kuarantin dan Penyaringan Kesihatan untuk Hidupan Liar sebelum Translokasi dan Pelepasan ke dalam Alam Liar OIE-IUCN-EAZWV

<https://portals.iucn.org/library/node/7971>

Garis Panduan OIE-IUCN untuk Analisis Risiko Penyakit Hidupan Liar

<https://portals.iucn.org/library/node/43385>

Buku Panduan Prosedur untuk Analisis Risiko Penyakit Hidupan Liar OIE-IUCN

<https://portals.iucn.org/library/node/43386>

Kod Kesihatan Haiwan Daratan OIE


<http://www.oie.int/international-standard-setting/terrestrial-code/>

Strategi Kebajikan Haiwan WAZA

<https://www.waza.org/priorities/animal-welfare/animal-welfare-strategy/>

Lampiran 3

Pengumpulan maklumat dan penilaian awal



Apakah spesies setiap individu yang dirampas?

Adakah pengenalan pakar diperlukan (tersedia melalui organisasi taksonomi)?

Di manakah lokasi individu?

Adakah individu wujud di negara perampasan?

Adakah negara perampasan merupakan sebahagian daripada tempat asli spesies?

Adakah semua pihak berkuasa yang berkaitan telah dirujuk cth. kuarantin?

Adakah terdapat pelan tindakan pemuliharaan sedia ada untuk spesies?

Adakah individu dikelaskan sebagai 'Spesies Terancam' pada IUCN Red List of Threatened Species™ (Senarai Merah Spesies Terancam IUCN) (iaitu Adakah individu dikelaskan sebagai Terjejas, Terancam atau Terancam Secara Kritikal?)
Lihat www.redlist.org

Adakah keperluan pemuliharaan untuk spesies seperti yang dinasihatkan oleh Senarai Merah IUCN?

Jika individu tidak disenaraikan pada Senarai Merah IUCN atau Disenaraikan sebagai NE atau DD, minta nasihat daripada Suruhanjaya Kemandirian Spesies IUCN


Adakah individu tergolong dalam spesies kepentingan pemuliharaan negara berdasarkan pada Data Senarai Merah Negara atau senarai pemuliharaan negara yang lain?

Adakah pemeriksaan kesihatan mengikut Garis Panduan IUCN OIE untuk Analisis Risiko Penyakit Hidupan Liar telah dilakukan?

Adakah individu 'Sihat'? Individu dianggap sebagai 'Sihat' jika individu telah melalui saringan veterinar menyeluruh dan kuarantin, serta tidak menunjukkan tanda penyakit berjangkit atau kecacatan yang akan memberi kesan buruk terhadap kehidupan berdikari individu

Jika individu 'Tidak Sihat', bolehkah individu dijadikan 'Sihat' melalui rawatan? Adakah kemudahan / sumber tersedia untuk rawatan yang diperlukan?

Adakah individu memerlukan eutanasia segera untuk mengelakkan kesengsaraan lanjut? Memerlukan penilaian Doktor Haiwan/Pakar



Adakah individu telah dikeluarkan dari habitat liar semula jadi individu tersebut?

Adakah individu ini merupakan individu yang lahir dalam kurungan/dibiakkan secara buatan?

Adakah individu merupakan spesies yang terlibat dalam mana-mana program pembiakan pemuliharaan?

Jika ya, bolehkah individu menyumbang kepada program pembiakan pemuliharaan?

Adakah individu merupakan spesies yang boleh didagangkan secara sah?

Jika ya, adakah prosedur yang betul untuk perdagangan/pemilikan telah diikuti?

Adakah terdapat kemungkinan bahawa prosedur dan proses birokrasi yang betul akan dilengkapkan dalam masa terdekat?

Jika ya, bila?

Di manakah lokasi individu yang dirampas diambil dari alam liar: di negara mana, di kawasan mana?

Jika 'TIDAK DIKETAHUI', bolehkah lokasi itu dikenal pasti?

Adakah negara asal merupakan penandatangan mana-mana yang berikut: Konvensyen tentang Kepelbagaian Biologi, Protokol Nagoya tentang Perkongsian Akses dan Faedah (ABS); Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam (CITES); Perjanjian Antarabangsa tentang Sumber Genetik Tumbuhan untuk Makanan dan Pertanian (ITPGRFA)?



Adakah negara tiba individu sama dengan negara asal?

Adakah negara tiba situ individu sanggup mengurus individu yang dirampas?


Adakah terdapat apa-apa masalah kebajikan jika individu dihantar pulang?

Lampiran 4

Pokok Keputusan - Spesies yang dirampas



untuk hidup	Sebab perampasan	Negara asal dan ketibaan	Spesies invasif yang dikenal pasti
-------------	------------------	--------------------------	------------------------------------





KESATUAN ANTARABANGSA
UNTUK PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

IBU PEJABAT DUNIA
Rue Mauverney 28
1196 Gland, Switzerland
mail@iucn.org
Tel +41 22 999 0000
Faks +41 22 999 0002
www.iucn.org
www.iucn.org/resources/publications

